



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT
YB SENATOR PUAN SARASWATHY A/P KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL BACA PERDANA DAN PESTA BUKU SARAWAK
2025**

30 SEPTEMBER 2025

10.00 PAGI

**THE HILLS, KUCHING,
SARAWAK**

Salam sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**(salutasi akan diberikan secara berasingan)*

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Tuhan kerana dengan rahmat dan keizinanNya sekali lagi kita diberi kesempatan untuk bersama-sama dalam majlis hari ini.
2. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak atas penganjuran Karnival Baca Perdana dan Pesta Buku Sarawak 2025. Ia membuktikan komitmen berterusan PNM dan Pustaka Negeri Sarawak dalam memperkukuhkan budaya membaca dalam kalangan rakyat, khususnya di negeri Sarawak yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan aspirasi.

KARNIVAL BACA PERDANA SEBAGAI PLATFORM ILMU DAN PERPADUAN

Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan Datuk Patinggi,

3. Karnival ini bukan sekadar sebuah pesta buku, tetapi merupakan sebuah inisiatif yang menjadi wadah penting dalam menyemarakkan budaya ilmu dan pembacaan dalam kalangan rakyat. Ia menjadi ruang pertemuan pelbagai lapisan masyarakat merentasi umur, bangsa dan latar belakang yang disatukan oleh semangat cintakan ilmu, hasrat untuk terus belajar, serta keinginan membina masa depan yang lebih bermakna melalui pembacaan.
4. Dalam suasana masyarakat majmuk seperti Malaysia, pembacaan berperanan besar dalam membuka minda dan membina persefahaman antara kaum. Ia memperkukuh identiti nasional yang bersandarkan kepada nilai bersama, kefahaman budaya dan rasa hormat antara satu sama lain.
5. Buku bukan sekadar sumber ilmu, tetapi alat penyatuan. Melalui bacaan, kita mengenali sejarah, memahami perjuangan dan menyelami aspirasi sesama rakyat. Justeru, Karnival Baca

Perdana dan Pesta Buku Sarawak ini adalah manifestasi usaha kita memperkukuh perpaduan negara melalui wahana ilmu.

PEMBACAAN DAN AGENDA NASIONAL

6. Membaca adalah sebahagian daripada Agenda Nasional yang menyokong pembangunan modal insan yang berkualiti dan berdaya tahan. Seiring dengan Dekad Membaca Kebangsaan, usaha berterusan kerajaan dalam membudayakan pembacaan menunjukkan bahawa ilmu dan literasi merupakan elemen strategik dalam membina negara bangsa.
7. Dalam era digital, di mana maklumat datang tanpa henti, rakyat yang membaca adalah rakyat yang dapat menilai, menapis dan memahami. Ini penting dalam membentuk masyarakat yang tidak mudah terpedaya dengan berita palsu dan retorik yang boleh membawa kepada perpecahan dan perbalahan.
8. Justeru, pembacaan harus dilihat sebagai keperluan asas dalam penyatuan bangsa dan rakyat, yang memacu kepada pembangunan negara, setara dengan infrastruktur dan ekonomi. Tanpa rakyat yang berilmu, kemajuan fizikal tidak akan membawa kemajuan yang sebenar.

PEMBACAAN UNTUK PEMBANGUNAN INSAN DAN MASA DEPAN NEGARA

9. Karnival ini memberi makna yang besar dalam usaha memperkasakan masyarakat melalui ilmu dan pembacaan. Dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan belia, komuniti luar bandar dan Orang Kurang Upaya (OKU), program ini memberi peluang yang lebih luas untuk mengakses bahan bacaan dan aktiviti bermanfaat. Inisiatif seperti ini membuktikan bahawa pembacaan bukan hanya untuk segelintir, tetapi hak untuk semua tanpa mengira latar belakang, lokasi atau kemampuan.
10. Pada masa yang sama, usaha ini juga mencerminkan aspirasi Malaysia MADANI, yang mengangkat ilmu sebagai asas pembentukan masyarakat yang seimbang dan progresif. Amalan membaca membentuk pemikiran kritis, membina daya tahan intelektual, dan melahirkan rakyat yang mampu berfikir, menilai serta membuat keputusan yang bijak. Inilah asas sebenar kepada kemajuan yang mampan dan berakar tunjang pada nilai ilmu.

PESTA BUKU SARAWAK 2025

11. Kementerian sering mencari pendekatan baharu bagi memberi impak yang besar terhadap program-program yang dijalankan. Ini dibuktikan melalui penganjuran pada hari ini dimana Karnival

Baca Perdana dilaksanakan serentak dengan pesta buku. Ini akan dapat menarik ramai pengunjung sekaligus meningkatkan jualan buku seperti yang telah kementerian laksanakan semasa Sambutan Minggu Perpaduan di Pulau Pinang baru-baru ini. Kejayaan ini bukan sahaja memperkukuh budaya membaca dalam kalangan masyarakat di negeri tersebut, malah menjadi contoh terbaik bagaimana kerjasama bersepadu mampu menggerakkan sektor ilmu dan budaya secara lebih menyeluruh.

12. Berdasarkan pengalaman berharga ini, pengumuman Karnival Baca Perdana dan Pesta Buku Sarawak 2025 diadakan dengan pendekatan yang sama, bertujuan merancakkan lagi industri perbukuan di Sarawak. Dengan kerjasama erat antara kementerian, agensi kerajaan, penerbit serta komuniti, program ini diharapkan menjadi pemangkin utama dalam memupuk budaya membaca dan memacu pembangunan intelektual serta ekonomi di negeri ini, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menjadikan ilmu dan perpaduan sebagai teras kemajuan negara.

INDUSTRI PERBUKUAN

13. Kajian Data Perbukuan Negara 2022/2023 yang dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bertujuan mewujudkan profil perbukuan negara yang terkini, sekaligus

membantu dalam pembentukan semula Dasar Buku Negara. Kajian ini penting kerana menyediakan indikator sebagai penanda aras bagi pihak kerajaan, pemain industri dan pengguna dalam menilai keperluan dan kecenderungan bahan bacaan rakyat Malaysia.

14. Industri perbukuan yang tergolong dalam perusahaan mikro, kecil dan sederhana turut dikenal pasti menyumbang sebanyak 0.38% kepada pendapatan kasar negara serta 37.4% kepada KDNK dan menggajikan 47.8% daripada Guna Tenaga pada tahun 2021. Meskipun sumbangannya kecil, industri ini berpotensi besar dan perlu disokong secara menyeluruh oleh kerajaan, penerbit, pengkarya serta penjual buku agar dapat terus berkembang dan memberi lebih banyak peluang pekerjaan.
15. Sehubungan itu, beberapa resolusi telah dicadangkan hasil kajian ini bagi memperkasa industri perbukuan negara agar setanding dengan negara maju. Antara cadangan utama ialah intervensi kerajaan melalui pelaburan dan peruntukan dana yang besar bagi pembangunan menyeluruh industri, termasuk fasa pengkaryaan, penerbitan dan pemasaran. Di samping itu, pemberian baucar buku kepada pelajar perlu diteruskan kerana terbukti memberi impak positif terhadap peningkatan jualan dan penerbitan buku tempatan. Dengan inisiatif bersepadu antara agensi kerajaan,

penerbit dan pengkarya, industri perbukuan di Malaysia diyakini mampu berkembang sebagai pemangkin kepada pembangunan intelektual dan ekonomi negara.

PENUTUP

16. Akhir kata, saya ingin menegaskan bahawa pembacaan bukan hanya amalan peribadi, tetapi pelaburan nasional. Setiap buku yang dibaca adalah satu langkah ke arah negara yang lebih cemerlang.
17. Marilah kita sama-sama menjadikan pembacaan sebagai budaya hidup, bukan sekadar slogan atau aktiviti bermusim. Jadikanlah perpustakaan sebagai nadi komuniti dan ilmu sebagai cahaya perpaduan.
18. Semoga Karnival Baca Perdana dan Pesta Buku Sarawak 2025 ini menjadi batu asas yang kukuh ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang bersatu, berilmu dan berdaya saing di pentas dunia. Sekian, terima kasih.